

# **HUBUNGAN PERSEKITARAN AKADEMIK DI KALANGAN PELAJAR UNIVERSITI: KAJIAN PERBANDINGAN DI ANTARA PELAJAR UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA DAN PELAJAR UNIVERSITI CHIANG MAI THAILAND.**

Zahanim Ahmad  
*Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor.*

## **ABSTRAK**

*Dewasa ini keperluan dalam mempunyai hubungan dan penyertaan terhadap persekitaran akademik di univervisti dikalangan pelajar adalah sangat penting dalam melahirkan pelajar yang berjaya baik dalam akademik mahupun dalam perkerjaan setelah tamat pengajian kelak. Universiti merupakan institusi untuk melahirkan pelajar yang berkualiti dan berkemampuan di peringkat tertinggi dan global. Keadaan persekitaran akademik yang meliputi pelbagai aspek dapat membantu dan mendorong kearah mencapai matlamat dapat bersaing diperingkat global. Persekitaran akademik yang dimaksudkan disini adalah meliputi aspek pergaulan pelajar dengan mentor, rakan dikampus, dan fakulti. Kajian ini merupakan kajian kuantitatif yang bertujuan untuk mengenalpasti tahap hubungan persekitaran akademik dan juga untuk melihat perbezaan hubungan persekitaran akademik meliputi hubungan dengan pensyarah, rakan dan fakulti diantara pelajar Universiti Kebangsaan Malaysia dan Universiti Chiang Mai. Seramai 80 orang pelajar telah terlibat di dalam kajian ini. Dalam kajian ini penyelidik menggunakan set soalan yang telah dibahagikan kepada dua bahagian utama, iaitu: (1) item yang berkaitan dengan sosiodemografi; dan (2) item yang berkaitan dengan (i) hubungan dengan pensyarah; (ii) hubungan dengan rakan; dan (iii) hubungan dengan fakulti yang telah disusun berdasarkan Skala Likert. Ujian T juga telah digunakan bagi mengenalpasti perbezaan tahap penglibatan di antara universiti. Analisis ujian T menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan dikalangan pelajar UKM dan UCM dimana pelajar UKM menunjukkan keputusan yang tinggi terhadap penglibatan dengan persekitaran akademik ( $P=0.001$ ) iaitu yang tertinggi adalah penglibatan dengan rakan sekelas ( $\text{min}=21.05$ ) diikuti dengan pensyarah ( $\text{min}=19.92$ ) dan fakulti ( $\text{min}=19.77$ ). Dapatan ini secara tidak langsung menggambarkan pelajar-pelajar universiti masih cakna dengan kepentingan penglibatan dengan persekitaran akademik sepanjang tempoh pengajian di universiti dan memberi nilai tambah kepada pihak pengurusan universiti dan pembangunan mahasiswa amnya dalam membantu pelajar-pelajar melibatkan diri dengan persekitaran akademik secara lebih positif.*

**Kata Kunci:** *Persekitaran Akademik, Penglibatan, Rakan, Fakulti, Pensyarah*

## **PENGENALAN**

Dewasa ini keperluan dalam mempunyai hubungan dan penyertaan terhadap persekitaran akademik di universiti dikalangan pelajar adalah sangat penting dalam melahirkan pelajar yang berjaya baik dalam akademik mahupun dalam perkerjaan setelah tamat pengajian kelak. Kejayaan seseorang pelajar itu memberi gambaran betapa mereka faham dan dapat menguasai ilmu yang diajar, manakala di sektor pekerjaan pula, pencapaian yang baik amat penting kerana ianya menjadi kriteria utama oleh pihak berkepentingan untuk memilih calon pekerja mereka (Baharin, Jamaluddin, Azmahani , Mohd Hidayat, & Muzaffar 2006). Universiti merupakan institusi untuk melahirkan pelajar yang berkualiti dan berkemampuan di peringkat tertinggi dan global. Keadaan persekitaran akademik yang meliputi pelbagai aspek dapat membantu dan mendorong kearah mencapai matlamat dapat bersaing diperingkat global. Persekitaran akademik yang dimaksudkan disini adalah meliputi aspek pergaulan pelajar dengan mentor, rakan dikampus, dan fakulti. Pada masa kini pelajar didapati mempunyai masalah di dalam pergaulan dengan persekitaran akademik yang dimaksudkan. Ditambah dengan pelbagai teknologi di abad ke 21 yang membuatkan penglibatan dengan sosial dan persekitaran akademik dianggap tidak lagi menjadi kepentingan dikalangan pelajar universiti. Pelajar lebih gemar bergantung dengan teknologi semata-mata tanpa melibatkan diri dengan persekitaran akademik di universiti. Kajian yang dilakukan oleh (Zurina , 2013, Imran Arif , 2010, Nor Shahriza & Amelia (2007) menunjukkan pelajar lebih suka meluangkan masa dengan internet dan teknologi . Kepentingan pelajar dalam penyertaan dan hubungan yang baik dengan mentor, rakan kampus dan fakulti adalah sangat penting kerana ini adalah tiket mencapai kejayaan, cemerlang dan menjadi rebutan pihak majikan apabila tamat pengajian kelak.

Universiti merupakan rumah kedua bagi pelajar dan adalah perlu bagi pelajar dalam penyertaan mereka dengan persekitaran akademik kerana ini baik untuk kehidupan yang sejahtera sebagai pelajar dan baik untuk masa depan mereka. Kajian menunjukkan ramai pelajar yang tidak melibatkan diri dengan persekitaran akademik. Mereka tidak percaya dengan kebaikan melibatkan diri didalam persekitaran akademik dan juga pengalaman sepanjang berada di universiti banyak membantu mereka selepas keluar ke dunia pekerjaan. Pelajar begini merasakan penglibatan tidak penting lama kelamaan mereka mula menjauhkan diri dengan segala aktiviti dan tidak mahu melibatkan diri dengan sebarang persekitaran akademik di universiti. Adalah menjadi cabaran bagi pihak universiti dalam menangani masalah-masalah yang akan timbul kesan daripada sikap pelajar yang menjauhkan diri daripada persekitaran akademik. Kesan-kesannya sering dikaitkan dengan isu kecermerlangan pelajar, tidak dapat menamatkan pengajian, kurang mendapat tempat dihati majikan dan juga isu intergriti dikalangan pelajar (Finn, 1989 & Jenken, 1995). Menurut Willms (2000) pelajar yang tidak melibatkan diri dalam persekitaran akademik adalah terdiri dari golongan anti sosial. Mereka lebih cenderung tiada sikap kekitaan terhadap universiti dan tidak ada perasaan cinta akan universiti sebagai rumah kedua dimana disinilah tempat menimba ilmu dan juga mengumpul sebanyak pengalaman sebagai bekalan untuk masa depan mereka. Benar terdapat pelajar yang tahu akan kepentingan melibatkan diri dengan persekitaran akademik dan ramai yang aktif di universiti namun, masih ada kumpulan pelajar yang masih anti sosial sepanjang berada di universiti. Kertas kerja ini ditulis bertujuan untuk meninjau bagaimanakah tahap penglibatan pelajar daripada dua buah universiti iaitu di Universiti Kebangsaan Malaysia dan Universiti Chiang Mai Thailand terhadap persekitaran akademik dan apakah prevalen pelajar di kedua-dua buah universiti yang tidak melibatkan diri terhadap persekitaran

akademik dan akhir sekali melihat perbandingan diantara dua buah universiti dari dua negara yang berbeza mengenai tahap prevalen pelajar yang tidak melibatkan diri dengan persekitaran akademik.

## **SOROTAN KAJIAN**

### **Persekitaran akademik dengan pensyarah**

Persekitaran akademik dengan pensyarah juga merupakan faktor penting dalam dalam sesebuah institusi pendidikan. Pensyarah merupakan idola pelajar sepanjang tempoh pengajian mereka. Oleh itu, pensyarah perlu merapatkan hubungan pembelajaran di antara pelajarnya. Kecemerlangan dan keperibadian yang mulia pelajar adalah sangat bergantung kepada tingkahlaku pensyarah itu sendiri dimana sekiranya pensyarah menjadi mentor yang baik dan rol model yang baik terhadap pelajar maka kesan yang baik itu akan diserap dan dicontohi oleh pelajar manakala sekiranya pensyarah menunjukkan sikap dan tingkahlaku yang buruk maka ini juga akan diikuti oleh pelajar. (Hasmah, 2014). Selain itu juga, peranan pensyarah sangat penting dalam memotivasikan pelajarnya. Menurut Hasmah (2014) lagi , pensyarah bertanggungjawab dalam menyampaikan nasihat serta motivasi terhadap pelajar dalam membentuk nilai-nilai yang baik khususnya dalam kemahiran insaniah. Penjelasan berkaitan dengan alam pekerjaan, keperluan majikan selepas tamat pengajian menjadi faktor penting yang perlu disediakan oleh pensyarah terhadap pelajar supaya mereka lebih bersedia dan maklum tentang ciri-ciri yang diperlukan oleh majikan nanti. Menurut Abdul Latif dan Mohd Taib (2012), dalam kajiannya terdapat perhubungan di antara tingkah laku kesediaan pensyarah secara lisan atau bukan lisan dan tahap motivasi pelajar. Hasil kajian yang dijalankan oleh Meer Zhar Farouk , Muhammad Shukri, & Mohd Zahari (2010), pensyarah didapati menjadi faktor kedua terpenting selepas ibubapa penjaga yang banyak menyumbang kepada melahirkan pelajar yang cemerlang dan penyumbang kepada modal insan yang berkualiti. Ini mungkin disebabkan pensyarah adalah ibubapa kedua pelajar selepas ibubapa sebenar di rumah. Ini menunjukkan pelajar amat berpuas hati dengan pengajaran dan bantuan daripada pensyarah. Menurut Levinson , Darrow , Klein , Levinson , & Mc Kee, (1978) perhubungan diantara pelajar dan pensyarah sebagai mentor banyak memberi kesan dan ikutan kepada pelajar kerana fungsi pensyarah ini bukan sahaja mengajar, mencontohi perkara yang baik, tetapi mereka ini adalah pembimbing, pemudahcara, pemberi sokongan, galakan dan juga membantu dalam membangunkan pembangunan karier pelajar kelak.

### **Persekitaran Akademik Rakan Sekelas**

Selain daripada kepentingan hubungan dengan pensyarah, hubungan dengan rakan sekelas juga tidak kurang pentingnya. Pelajar universiti digalakkan menjalinkan hubungan sesama rakan kerana jalinan dan jaringan amat perlu apabila berada didalam sesebuah universiti kerana ianya banyak membantu dalam membentuk keperibadian dan pembangunan pelajar. Sedang ramai yang mengetahui akan betapa pentingnya perhubungan pelajar dan pensyarah dimana ianya menawarkan sokongan, bantuan, galakan dan penyumbang terhadap perkembangan karier pelajar, hanya segelintir sahaja yang mengetahui mengenai kepentingan hubungan pelajar dengan rakan sekelas (Levinson , Darrow , Klein , Levinson , & Mc Kee, 1978). Kajian yang dilakukan oleh Kathy & Lynn, (1985) terhadap peranan mentor dalam kejayaan pelajar mendapati hubungan dengan rakan sekelas telah muncul sebagai faktor yang penting dalam kecemerlangan pelajar. Hasil temubual yang dilakukan terhadap 18 responden menunjukkan corak dimana mereka lebih gemar membuat hubungan dengan rakan berbanding dengan hubungan dengan pensyarah. Ini disebabkan

oleh hubungan dengan rakan lebih mudah tidak seperti hubungan dengan pensyarah dan majikan yang terlalu banyak halangan birokrasi dan mengakibatkan komunikasi, sokongan dan kolaborasi yang berkesan tidak dapat dicapai (Kathy & Lynn, 1985). Umum tidak menyedari bahawa hubungan dengan rakan, majikan dan pekerja bawahan adalah langkah alternatif selain hubungan dengan mentor dalam menggalakkan perkembangan insaniah dan akademik di institusi pengajian mahupun di sektor perkerjaan (Kram, 1985). Persekitaran akademik dengan rakan sekelas memberi impak yang besar dalam pembentukan peribadi pelajar samaada dalam bidang akademik dan juga luar akademik. Seseorang pelajar dapat fokus dan berminat untuk menghadiri kuliah sekiranya mereka mempunyai hubungan yang baik dengan rakan sekelas dimana mereka dapat menyesuaikan diri mereka dengan rakan-rakan dalam kelas dan belajar bersama-sama. Menurut Mohamad Nor (2009), pelajar lebih bersifat terbuka dan berminat untuk melibatkan diri dengan aktiviti yang diadakan didalam kelas. Kecemerlangan pencapaian akademik pelajar bergantung kepada bagaimana mereka memilih rakan (Hasmah, 2014). Menurut Hasmah (2014), dalam kajiannya, pelajar yang menjalin hubungan akrab dengan rakan sekelas akan lebih mudah terpengaruh dan terikut dengan apa yang ditunjukkan oleh rakan, dan ini akan menambahkan keseronokan disamping mempunyai minat yang sama dan menghabiskan masa yang lama bersama rakan-rakan. Tuntasnya rakan sekelas boleh mempengaruhi dan menjadi penyumbang kepada pencapaian yang cemerlang dalam akademik dan bukan akademik kerana dipercayai tingkahlaku pelajar akan berubah mengikut rentak tingkahlaku rakan sebaya kerana mereka lebih bebas berkomunikasi, menyuarakan pendapat bersama-sama mengulangkaji dan tolong menolong antara satu sama lain melalui bantuan, pengaruh dan tahap ilmu seseorang.

Faktor persekitaran akademik di mana hubungan dengan rakan sekelas yang baik juga akan membuatkan emosi pelajar akan termotivasi dengan sendiri kerana keselesaan belajar dapat dicapai. Menurut Shaari et al., (2012), suasana pembelajaran yang menarik, kondusif dan menyeronokkan amat diperlukan dalam proses pembelajaran dan pengajaran. Hasil kajian kesan persekitaran terhadap Pembangunan Emosi Pelajar di Fakulti Pendidikan, UTM yang dijalankan oleh Mohd Anuar & Norshahril (2011), majoriti bersetuju bahawa rakan sekelas membuatkan mereka lebih mudah menyesuaikan diri dengan persekitaran didalam kuliah, dapat melakukan aktiviti luar kuliah dan didalam kuliah tanpa rasa tertekan, lebih ceria dan tenang melakukan kerja bersama rakan sekelas, berasa sangat selesa apabila dapat menolong rakan menyelesaikan masalah dan akhir sekali rakan sekelas dapat memberikan dorongan, sokongan, bantuan dan kolaborasi secara efektif. Secara keseluruhan, sokongan dan bantuan daripada rakan-rakan banyak memberi kesan positif kepada pelajar. Meer Zhar Farouk, Muhammad Shukri, & Mohd Zahari (2010), menyatakan faktor ke tiga yang mempengaruhi kejayaan pelajar adalah pemilihan rakan sebilik dan rakan sekelas. Ini bermaksud rakan memainkan peranan dalam kejayaan seseorang. Memiliki rakan yang banyak membantu, maka mereka akan berjaya.

### **Persekitaran Akademik Dengan Pengurusan Fakulti**

Persekitaran akademik dan kualiti perkhidmatan di fakulti merupakan antara aspek penting yang perlu diberi keutamaan bagi melahirkan pelajar yang cemerlang. Pelajar perlu melibatkan diri dengan fakulti. Mereka harus cakna dengan perkembangan yang berlaku di fakulti sekaligus menjadikan pelajar yang sentiasa peka dan tidak ketinggalan. Kualiti perkhidmatan seperti aktiviti pembelajaran, program-program yang dianjurkan, kemudahan yang disediakan dan kerjasama daripada staf sokongan dalam fakulti amat

diperlukan oleh pelajar. Hasil kajian Hamidah, PM Dr. Zainab, Rosnah, Hafilah , & Norzarina (2013), kebanyakan pelajar-pelajar memberikan tahap kepuasan yang rendah kerana mereka terlalu banyak menghadapi kesulitan semasa berhubung dengan pihak fakulti terhadap perkhidmatan yang diberikan seperti perkhidmatan kaunter, servis dan aktiviti yang dianjurkan. Kemahiran insaniah yang diimplementasikan dalam proses pengajaran dan pembelajaran di fakulti seperti mengadakan program-program dan aktiviti akademik memberi kemahiran pendedahan awal kepada pelajar. Menurut Mohd Anuar & Norshahril (2011), Kemahiran ini termasuklah kemahiran berkomunikasi, kemahiran menyelesaikan masalah, kemahiran bekerja secara kumpulan, kebolehan menyesuaikan diri, pembelajaran sepanjang hayat, keyakinan diri serta etika dan integriti. Semua kemahiran ini dapat membekalkan kepada pelajar kemahiran dari segala aspek sekaligus melahirkan pelajar yang menepati kriteria yang diperlukan oleh majikan. Lizzio dan Wilson (2004), kemahiran insaniah merupakan kemahiran yang perlu ada pada setiap graduan yang mana ia merupakan kemahiran yang bukan hanya tertumpu kepada perkara-perkara yang mereka pelajari dalam bidang mereka. Menurut Badar, Kamaruddin dan Puteh (2005) bahawa faktor sikap dan iklim serta pengajaran pensyarah merupakan faktor yang paling mempengaruhi pencapaian kecemerlangan akademik pelajar.

## **METODOLOGI**

Kajian ini merupakan kajian kuantitatif yang bertujuan untuk mengenalpasti tahap hubungan persekitaran akademik dikalangan pelajar universiti. Selain itu juga, kajian ini dilakukan untuk melihat perbezaan hubungan persekitaran akademik meliputi hubungan dengan pensyarah, rakan dan fakulti diantara pelajar Universiti Kebangsaan Malaysia dan Universiti Chiang Mai dimana ianya melibatkan dua buah universiti di Malaysia dan Thailand.

Kajian kuantitatif ini menggunakan kaedah tinjauan melalui soal selidik. Reka bentuk tinjauan ini dipilih kerana kajian ini mempunyai ciri penggunaan yang menyeluruh iaitu menggunakan soal selidik kertas dan pensel untuk memungut data dengan cepat (Chua Yan Piaw, 2014). Kaedah tinjauan ini juga amat sesuai bagi kajian ini kerana penggunaan saiz sampel yang besar iaitu soal selidik dapat diberikan kepada seramai responden yang mungkin (Robert, Spink, & Pemberton, 1999; Chua Yan Piaw, 2014).

Soal selidik merupakan alat ukur yang digunakan dalam penyelidikan pendidikan dan digunakan untuk mendapatkan maklumat yang tepat dan berkesan bagi mencapai tujuan kajian (Mohd Majid, 2000; Chua Yan Piaw, 2014). Sampel kajian diambil secara rawak daripada para pelajar yang mengikuti pengajian di UKM dan UCM. Respondan yang mengambil bahagian telah diberikan arahan untuk menjawab soal selidik dan dikehendaki memulangkan borang soal selidik setelah diisi maklumat dan data yang dikehendaki di dalam borang soal selidik. Data kajian telah dikumpul menggunakan kaedah kuantitatif dengan menggunakan instrumen soal selidik yang telah dibina serta disahkan kebolehpercayaannya dan kesahannya.

Kaedah pengambilan sampel secara rawak telah digunakan untuk kajian ini. Seramai 80 responden telah dipilih bagi menyertai kajian ini yang mana 40 pelajar daripada UKM yang terdiri daripada pelajar lelaki dan perempuan dan 40 pelajar daripada UCM yang terdiri daripada pelajar lelaki dan perempuan. Responden yang dipilih adalah terdiri daripada pelajar sarjana muda dan sarjana. Kajian ini menggunakan instrument yang dibina

digunakan sebagai alat pengukuran dalam pengumpulan maklumat. Konstruk dimensi persekitaran akademik yang terdiri daripada hubungan dengan pensyarah, rakan dan fakulti telah dibina berdasarkan sorotan literatur dan dibina berdasarkan kepada kesesuaian persekitaran dan konteks di kedua-dua negara Malaysia dan Thailand. Setiap item soalan untuk mengukur hubungan dengan persekitaran akademik kajian ini menggunakan ukuran skala Likert lima pilihan iaitu Sangat Tidak Setuju, Tidak Setuju, Kurang Setuju, Setuju dan Sangat Setuju. Instrumen yang digunakan telah dibahagikan kepada dua bahagian utama, iaitu: (1) item yang berkaitan dengan sosiodemografi; dan (2) item yang berkaitan dengan (i) hubungan dengan pensyarah; (ii) hubungan dengan rakan; dan (iii) hubungan dengan fakulti. Data yang dikumpulkan dianalisis dengan menggunakan SPSS versi 20 dan dapatan dinyatakan dengan menggunakan statistik min dan peratusan serta menggunakan visual binning bagi mendapatkan cut off point bagi mengasingkan mean kepada 3 tahap iaitu rendah, sederhana dan tinggi pada setiap skor konstruk yang ada. Ujian T telah digunakan bagi mengenalpasti perbezaan tahap penglibatan persekitaran akademi antara dua buah universiti UKM dan UCM.

## HASIL KAJIAN DAN PERBINCANGAN

### **Analisis tahap hubungan pelajar dengan persekitaran akademik dengan pensyarah.**

Keputusan hasil daripada kajian mengenai tahap penglibatan pelajar UKM dan UCM dengan pensyarah dalam jadual 1 didapati pelajar UKM telah menunjukkan peratus yang tertinggi bagi tahap tinggi dimana seramai 45% (18) berbanding hanya 7.5% (3) pelajar dari UCM menunjukkan penglibatan yang tinggi terhadap persekitaran akademik dengan pensyarah. Majoriti pelajar daripada UCM menunjukkan penglibatan yang rendah terhadap pensyarah iaitu sebanyak 65% (26) berbanding hanya 10% (4) bagi pelajar UKM yang menunjukkan penglibatan yang rendah terhadap pensyarah. Bagi tahap sederhana pula, pelajar dari UKM menunjukkan peratusan yang tinggi berbanding pelajar UCM iaitu 45% (18) pelajar UKM dan UCM hanya 27.5% (11). Keadaan ini menzahirkan bahawa masih terdapat lagi pelajar yang tidak menunjukkan penglibatan terhadap pensyarah mereka. Walaupun terdapat pelajar yang menunjukkan bahawa mereka ada terlibat dengan pensyarah namun keputusan agak membimbangkan dimana keputusan yang kurang melibatkan diri dengan pensyarah agak tinggi. Punca mereka tidak suka melibatkan diri dengan pensyarah perlu ditangani dengan segera sebelum ianya merebak dan menjadi lebih parah. Pensyarah adalah antara elemen terpenting di dalam sesebuah institusi pengajian tinggi. Mereka adalah guru yang menyampaikan segala ilmu dan maklumat kepada pelajar. Tanpa penglibatan yang baik dengan pensyarah boleh menggugat prestasi para pelajar di universiti. Menurut Hasmah (2014), pensyarah berperanan sebagai penasihat serta dapat memberi motivasi kepada pelajar dalam menerapkan nilai-nilai murni terutamanya dalam kemahiran generik. Pensyarah juga perlu memberi pendedahan awal kepada pelajar tentang kebolehan pasaran kerja yang bersesuaian dengan keperluan industri semasa.

**Jadual 1. Tahap penglibatan pelajar UKM dan UCM terhadap persekitaran akademik dengan pensyarah.**

Universiti	Tahap		
	Kurang	Sederhana	Tinggi
UKM	10% (4)	45% (18)	45% (18)
UCM	65% (26)	27.5% (11)	7.5% (3)

## **Analisis Tahap Hubungan Pelajar Dengan Persekitaran Akademik Dengan Rakan Kuliah**

Hasil keputusan berkaitan dengan tahap penglibatan terhadap persekitaran akademik dengan rakan sekelas bagi kedua-dua pelajar UKM dan UCM seperti di tunjukkan di jadual 2, didapati pelajar UKM telah menunjukkan penglibatan yang tinggi terhadap penglibatannya dengan rakan sekelas iaitu 32.5% (13) manakala pelajar UCM tidak menunjukkan angka terhadap kategori paling tinggi. Majoriti bagi pelajar UCM iaitu 55% (22) telah menunjukkan penglibatan pada tahap yang paling kurang terhadap persekitaran akademik dengan rakan sekelas manakala angka yang kecil bagi pelajar UKM yang menunjukkan penglibatan yang paling kurang berbanding UCM iaitu hanya 22.5% (9) pelajar. Bagi penglibatan sederhana, kedua-dua universiti UKM dan UCM menunjukkan peratusan yang sama iaitu 45% (18) masing-masing. Penglibatan terhadap rakan sekelas amat penting bagi setiap pelajar bagi membolehkan mereka lebih bersifat terbuka, dan peka terhadap apa yang berlaku di dalam kelas semasa proses pembelajaran dan pengajaran serta dapat melahirkan pelajar yang berjaya dari segi rohani dan jasmani. Tanpa penglibatan dengan rakan kelas boleh dianggap sebagai pelajar yang tidak positif dan lebih mementingkan diri sendiri. Persekitaran akademik dengan rakan sekelas memberi impak yang besar dalam pembentukan peribadi pelajar samaada dalam bidang akademik dan juga luar akademik. Seseorang pelajar dapat fokus dan berminat untuk menghadiri kuliah sekiranya mereka mempunyai hubungan yang baik dengan rakan sekelas dimana mereka dapat menyesuaikan diri mereka dengan rakan-rakan dalam kelas dan belajar bersama-sama. Menurut Mohamad Nor (2009), aktiviti didalam kelas dapat diikuti, rasa minat dan tumpuan kepada pembelajaran menjadi mudah kerana sikap terbuka pelajar. Kecemerlangan pencapaian akademik pelajar bergantung kepada bagaimana mereka memilih rakan (Hasmah, 2014).

**Jadual 2. Tahap penglibatan pelajar UKM dan UCM terhadap persekitaran akademik dengan rakan**

Universiti	Tahap		
	Kurang	Sederhana	Tinggi
UKM	22.5% (9)	45% (18)	32.5% (13)
UCM	55% (22)	45% (18)	0% (0)

## **Analisis tahap hubungan pelajar dengan persekitaran akademik dengan pengurusan fakulti.**

Pihak pengurusan fakulti juga adalah antara pihak yang penting dalam sesebuah universiti. Disinilah tempat para pelajar mendapatkan segala informasi berkaitan dengan pengurusan fakulti. Persekitaran akademik dan kualiti perkhidmatan di fakulti merupakan antara aspek penting yang perlu diberi keutamaan bagi melahirkan pelajar yang cemerlang dari semua segi. Persekitaran akademik seperti aktiviti pembelajaran, program-program yang dianjurkan, kemudahan yang disediakan dan kerjasama daripada staf sokongan dalam fakulti amat diperlukan oleh pelajar. Keputusan analisa data terhadap penglibatan pelajar UKM dan UCM terhadap fakulti seperti di dalam jadual 3, menunjukkan masih lagi pelajar UKM yang mengatasi pelajar UCM iaitu seramai 35% (14) pelajar dari UKM menunjukkan penglibatan yang tinggi terhadap persekitaran dengan fakulti manakala hanya 15% (6) pelajar dari UCM. Bagi penglibatan pada tahap kurang pula, pelajar UCM mencatatkan peratusan yang tertinggi iaitu 52.5% (21) manakala penglibatan terhadap tahap yang kurang bagi pelajar UKM adalah 17.5% (7). Bagi tahap sederhana pula, pelajar

dari UKM menunjukkan peratusan yang tinggi berbanding pelajar UCM iaitu 47.5% (19) dan UCM hanya 32.5% (13). Terdapat juga pelajar yang kurang penglibatannya terhadap pihak fakulti. Dimanakan salah dan silap sehingga mereka kurang penglibatan dengan fakulti.

Hasil kajian Hamidah, PM Dr. Zainab, Rosnah, Hafilah , & Norzarina (2013), kebanyakan pelajar-pelajar memberikan tahap kepuasan yang rendah memandangkan mereka menghadapi banyak masalah semasa menggunakan kemudahan perkhimatan yang disediakan.

Kemahiran generik yang diaplikasikan dalam proses pengajaran dan pembelajaran di fakulti seperti mengadakan program-program dan aktiviti akademik memberi kemahiran pendedahan awal kepada pelajar. Menurut Mohd Anuar & Norshahril (2011), Kemahiran ini termasuklah kemahiran berkomunikasi, kemahiran menyelesaikan masalah, kemahiran bekerja secara kumpulan, kebolehan menyesuaikan diri, pembelajaran sepanjang hayat, keyakinan diri serta etika dan integriti.

**Jadual 3. Tahap penglibatan pelajar UKM dan UCM terhadap persekitaran akademik dengan pengurusan fakulti.**

Universiti	Tahap		
	Kurang	Sederhana	Tinggi
UKM	17.5% (7)	47.5% (19)	35% (14)
UCM	52.5% (21)	32.5% (13)	15% (6)

**Analisis Perbezaan Tahap Hubungan Persekitaran Dengan Pensyarah Antara Pelajar UKM Dan UCM**

Hasil ujian analisis data terhadap perbezaan kedua kumpulan pelajar UKM dan UCM terhadap penglibatan mereka dengan pensyarah menunjukkan  $p= 0.000 < 0.005$  *highly significant*. Terdapat perbezaan yang signifikan bagi mean skor dua kumpulan UKM dan UCM terhadap persekitaran akademik dengan pensyarah. Pelajar dari UKM lebih tinggi menunjukkan komitmen mereka terhadap persekitaran akademik dengan pensyarah berbanding dengan pelajar UCM. Pelajar faham akan betapa penting melibatkan diri dengan pensyarah. Tanpa penglibatan yang baik dengan pensyarah boleh menggugat prestasi para pelajar di universiti. Mengapa ada pelajar yang tidak suka melibatkan diri dengan pensyarah adalah disebabkan beberapa faktor seperti pensyarah yang tidak dapat memenangi hati pelajar dari segi sikap, cara menyampaikan ilmu serta adab pensyarah. Pensyarah perlu merapatkan hubungan pembelajaran di antara pelajarnya. Sikap pensyarah yang negatif akan memberi kesan negatif kepada pelajar manakala sikap pensyarah yang positif akan memberi kesan baik kepada pelajar dan ia sangat memberi kesan kepada pembentukan keperibadian dan kecemerlangan pelajar (Hasmah, 2014). Selain itu juga, peranan pensyarah sangat penting dalam memotivasikan pelajarnya. Menurut Hasmah (2014), pensyarah berperanan sebagai penasihat serta dapat memberi motivasi kepada pelajar dalam menerapkan nilai-nilai murni terutamanya dalam kemahiran generik. Pensyarah juga perlu memberi pendedahan awal kepada pelajar tentang keboleh pasaran kerja yang bersesuaian dengan keperluan industri semasa.



### **Analisis Perbezaan Tahap Hubungan Persekitaran Dengan, Rakan Kuliah Antara Pelajar UKM Dan UCM**

Hasil daripada keputusan analisis data mendapati  $P = 0.001$  iaitu  $< 0.05$ . Ini menunjukkan sangat signifikan. Terdapat perbezaan terhadap penglibatan oleh pelajar UKM dan UCM dengan persekitaran akademik rakan sekelas. Pelajar UKM lebih menunjukkan penglibatan mereka dengan rakan sekelas berbanding pelajar UCM. Pelajar yang berfikir positif sentiasa melakukan perkara-perkara yang positif. Mereka merasakan perlu untuk mereka melibatkan diri dengan rakan sekelas supaya mereka tidak ketinggalan dalam semua aspek. Pelajar bersendirian seumpama tidak mencampuri urusan masyarakat dan ini adalah perkara yang tidak sihat. Amalan bersosialisasi penting dalam melahirkan pelajar yang cemerlang. Faktor persekitaran akademik didalam kelas di mana hubungan rakan sekelas yang baik juga menyebabkan emosi pelajar akan termotivasi dengan sendiri kerana keselesaan belajar dapat dicapai. Menurut Shaari et al., (2012), suasana pembelajaran yang menarik, kondusif dan menyeronokkan amat diperlukan dalam proses pembelajaran dan pengajaran. Bagi pelajar yang kurang melibatkan diri dengan rakan sekelas mungkin mempunyai kaedah lain yang mereka rasa lebih berkesan selain melibatkan diri dengan rakan sekelas.

### **Analisis Perbezaan Tahap Hubungan Persekitaran Dengan Fakulti Antara Pelajar UKM Dan UCM**

Berdasarkan kepada keputusan analisis data, menunjukkan bahawa terdapat perbezaan yang sangat signifikan diantara pelajar UKM dan UCM terhadap penglibatan persekitaran akademik dengan pihak fakulti  $p = 0.000$  *highly significant*. Pelajar UKM menunjukkan lebih penglibatan terhadap fakulti. Pelajar yang menunjukkan penglibatan yang tinggi terhadap fakulti itu sendiri sedar bahawa fakulti adalah tempat melakukan segala pengurusan berkaitan hal ehwal akademik dan lain-lain perkara. Mereka perlu cakna dengan kewujudan fakulti adalah tempat mereka berurusan dalam semua segi sepanjang tempoh pengajian di sesebuah universiti. Selain daripada kesedaran oleh pelajar sendiri betapa pentingnya melibatkan diri dengan fakulti. Fakulti perlu lebih mesra dalam menguruskan hal ehwal berkaitan pelajar. Fakulti di UKM lebih mesra dan mengamalkan sikap yang lebih terbuka dan positif menyebabkan pelajar UKM lebih tinggi melibatkan diri berbanding dengan pelajar UCM. Fakulti juga perlu mengamalkan sikap yang lebih terbuka dan menerapkan nilai-nilai yang baik serta ilmu dalam pengurusan pelanggan mestilah terbaik dalam menarik minat pelajar lebih melibatkan diri dengannya. Persekitaran akademik seperti aktiviti pembelajaran, program-program yang dianjurkan, kemudahan yang disediakan dan kerjasama daripada staf sokongan dalam fakulti amat diperlukan oleh pelajar. Pelajar UCM menunjukkan penglibatan yang agak rendah terhadap pihak fakulti. Masih ada pelajar yang kurang melibatkan diri dengan pihak fakulti atas beberapa sebab seperti kurang layana mesra serta pegawai sokongan yang tidak mempunyai ilmu yang mencukupi dalam mengendalikan pelanggan di kaunter pengurusan. Hasil kajian Hamidah, PM Dr. Zainab, Rosnah, Hafilah, & Norzarina (2013), kebanyakan pelajar-pelajar memberikan tahap kepuasan yang rendah memandangkan mereka menghadapi banyak masalah semasa menggunakan kemudahan perkhidmatan yang disediakan.

**Jadual 4. Perbezaan tahap hubungan persekitaran dengan pensyarah, rakan kuliah dan fakulti antara pelaja**

<b>Pembolehubah</b>	<b>Aras Signifikan</b>	<b>Jumlah Responden</b>
<b>Pensyarah</b>	<b>0.000</b>	<b>80</b>
<b>Rakan Kuliah</b>	<b>0.001</b>	<b>80</b>
<b>Fakulti</b>	<b>0.000</b>	<b>80</b>

## **KESIMPULAN**

Dapatan kajian menunjukkan terdapat ramai pelajar universiti yang melibatkan diri dengan persekitaran akademik walaupun masih ada yang kurang melibatkan diri dengan persekitaran akademik. Penglibatan diri dengan persekitaran akademik dikalangan mahasiswa sepanjang pengajian di universiti banyak memberi manfaat kepada pelajar. Kepentingan pelajar dalam penyertaan dan hubungan yang baik dengan mentor, rakan kampus dan fakulti adalah sangat penting kerana ini adalah tiket mencapai kejayaan, cemerlang dan menjadi rebutan pihak majikan apabila tamat pengajian kelak. Menurut (Finn, 1989 & Jenken, 1995) banyak kesan-kesan buruk daripada menyendiri dan tidak terlibat dengan persekitaran akademik iaitu, keputusan yang merosot, sikap dan adab pelajar semakin menurun, tidak cakna dengan perkembangan yang berlaku didalam kampus dan lebih parah lagi apabila tidak dapat menamatkan pengajian di universiti. Penglibatan persekitaran akademik dengan pensyarah dilihat adalah yang paling popular dikalangan pelajar universiti kerana, peranan pensyarah sangat penting dalam memotivasi dan berkongsi ilmu dan maklumat dengan pelajar, serta menyampaikan maklumat-maklumat lain yang berguna pada masa hadapan berdasarkan pengalaman pensyarah. Pensyarah juga bertanggungjawab dalam menyampaikan nasihat serta motivasi terhadap pelajar dalam membentuk nilai-nilai yang baik khususnya dalam kemahiran insaniah. (Hasmah, 2014). Berdasarkan kepada kajian ini diharap dapat diketahui akan suasana yang sedang berlaku dikalangan pelajar-pelajar di universiti masakini. Masih terdapat pelajar yang tidak melibatkan diri dan bersosialis dengan persekitaran akademik. Melahirkan pelajar yang bergiat aktif dengan persekitaran akan membentuk sahsiah keperibadian dan membantu dalam pelajar menjadi insan yang bermoral. Negara akan hancur sekiranya modal insan yang kita lahirkan hanyalah mempunyai ilmu pengetahuan sahaja tetapi moraliti adalah sangat rendah. Ilmu pengetahuan diadun dengan nilai akhlak yang tinggi pasti akan dapat melahirkan rakyat yang mampu bertolak ansur. Beberapa cadangan dikenalpasti bagi memantapkan penglibatan pelajar terhadap persekitaran akademik dimana ianya melibatkan pelajar sendiri, pensyarah, dan pihak pengurusan fakulti seperti:

1. Pelajar perlu muhasabah diri dalam semua aspek bagi mengekalkan sifat positif dalam diri pelajar itu sendiri.
2. Pelajar perlu tahu kelemahan diri sendiri dan mendapatkan khidmat nasihat bagi mengatasi permasalahan diri sendiri.
3. Pensyarah boleh mempelbagaikan gaya pembelajaran di dalam kelas iaitu konsep persaingan berbentuk kumpulan. Secara tidak langsung, setiap pelajar dalam kelas akan mendapat kebaikan kerana bantuan daripada rakan kumpulan.
4. Pensyarah boleh mencampurkan pelajar yang berkeputusan rendah dengan pelajar yang bersifat kolaboratif dalam melakukan sesuatu tugas. Ini dapat meningkatkan kecenderungan pelajar untuk memperbaiki diri berdasarkan desakan secara lembut daripada rakan-rakan kumpulan.

5. Staf sokongan perlu sentiasa memberikan kerjasama dan layan yang baik kepada pelajar dalam melibatkan aktiviti pelajar di dalam institusi pendidikan. Secara tidak langsung ianya mendidik pelajar itu untuk berkelakuan yang baik.
6. Fakulti boleh bentukan program yang dapat meningkatkan penyertaan pelajar dalam proses pembelajaran mereka. Ini bertujuan untuk meningkatkan kemampuan diri pelajar menjadi seorang pelajar yang berkualiti.
7. IPT perlu memberikan pendedahan kepada pensyarah tentang kemahiran psychologi dan kaunseling. Ini dapat membantu pensyarah untuk mengekalkan hubungan yang baik dengan pelajar-pelajarnya.

## **RUJUKAN**

- Abdul Hamid Hamidon, Salbian Seliman, Mohd Tajudin Hj. Md. Ninggal, Abdul Wahid Kamarulzaman, Yusuf Ahmad, Muhammad Sum Idris, Adnan Ripin Abd. Saman Abd. Kader dan Rosdi Ab. Rahman. (1999). *Sistem Penasihatn Akademik Di Universiti Teknologi Malaysia, Skudai, Johor*: Universiti Teknologi Malaysia.
- Abdul Latif, A. & Mohd Taib, F. H. (2012). Hubungan Tingkah Laku Kesiediaan Pensyarah Dengan Tahap Motivasi Pelajar. Eprints. Fakulti Pendidikan Universiti Teknologi Malaysia.
- Badar, A. R. & Kamaruddin, N. A. Puteh, S. (2005). Faktor-Faktor Yang Mempengaruhi Pencapaian Pelajar Dalam Menguasai Mata Pelajaran Kejuruteraan Di Politeknik-Politeknik Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia. Prosiding seminar pendidikan JJPG 2005. Fakulti Pendidikan Teknikal Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn.
- Baharin, M., Jamaluddin, M., Azmahani, A., Mohd Hidayat, J., & Muzaffar, Z. (2006). Gaya Hidup Pelajar Cemerlang dalam Persekitaran. *Academia.edu*.
- Cohen, J. W. (1988). *Statistical Power Analysis For The Behavioral Sciences (2nd Ed)*. Hisdale, NJ: Lawrence Erlbaum Associates.
- Finn, J. (1989). Withdrawing From School. *Review Of Education Research*, 59 (2) 117.
- Hamidah, PM Dr. Zainab, Rosnah, Hafilah, & Norzarina. (2013). Kajian Mengenai Tahap Kualiti Pendidikan Tinggi Dari Perspektif Pelajar di Universiti Teknologi Malaysia. *Pusat Pengajian Penyelidik*.
- Hasmah. (2014). Pengaruh Faktor Persekitaran Terhadap Kecemerlangan Akademik Pelajar Fakulti Kejuruteraan Mekanikal Dan Pembuatan Serta Pelajar Fakulti Kejuruteraan Elektrik di UTHM. *Thesis*.
- Imran Arif. (2010). Tabiat Membaca Di Kalangan Pelajar Kemahiran Hidup Di Universiti Pendidikan Sultan Idris. *Thesis*.
- Jenken, P. (1995). School Delinquency And School Environment. *Sociology Of Education*, 68 (7): 221.
- Kathy, E. K., & Lynn, A. I. (1985). Mentoring Alternatives: The Role Of Peer Relationships In Career Development. *Academy Of Management Journal*, 28 (1) 110-132.
- Kram, K. (1985). *Mentoring At Work: Developmental Relationships In Organizational Life*. Glennview Scott: Foresman.
- Levinson, D. J., Darrow, C., Klein, E. B., Levinson, M. A., & Mc Kee, B. (1978). *Season's Of A Man's Life*. New York.
- Lizzio, A. and Wilson, K. (2004). First Year Students' Perception of Capability. *Research in Higher Education*. Volume 29, Pp 109-126.

- Meer Zhar Farouk , A., Muhammad Shukri, S., & Mohd Zahari , Y. (2010). Faktor-faktor Mempengaruhi Pencapaian Pelajar Cemerlang di Universiti Teknologi MARA (UITM) Kelantan bagi Semester Disember 2005-Mei 2006. *Universiti Teknologi MARA*.
- Mohammad Nor, M. A. (2009). Hubungan Dan Gaya Pembelajaran Dan Pengajaran Dalam Meningkatkan Kefahaman Pelajar. Tesis Sarjana. Universiti Tun Hussein Onn Malaysia.
- Mohd Anuar, A., & Norshahril, A. (2011). Kesan Persekitaran Terhadap Pembangunan Emosi Pelajar Di Fakulti Pendidikan, UTM. *Journal of Education Psychology & Counseling*, 141-161.
- Nor Shahriza, A., & Amelia , H. (2007). Reading Habits And Attitude In The Digital Age:Analysis Of Gender And Academic Program Differences In Malaysia. *The Electronic Library*, 285-298 (25) 3.
- Othman, M., & Rahmadhaniah, A. (2010). Faktor-faktor Yang Mempengaruhi Pencapaian Akademik Pelajar Tahun 4 Perdana, Jabatan Pendidikan Teknikal Dan Kejuruteraan, sesi 2007/2008, Fakulti Pendidikan UTM, Skudai. *Universiti Teknologi Malaysia*.
- Pallant, J. (2010). *SPSS Survival Manual 4th Edition*. New York: Mc Graw Hill.
- Willms, J. (2000). *tudent Engagement In School : A Sense of Belonging And Participation*. Chicago: PISA.
- Zurina, K. (2013). A Study Of Student Learning Interest In A Second Language. *International Education Studies*, 160-170 (6) 11.